

Guna kelebihan sumber cantikkan landskap negara

BH - 4/3/2019 m/s: 2

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu usaha mencantikkan landskap di sekeliling rumah, kampung dan bandar menjadi budaya masyarakat supaya Malaysia menjadi negara taman yang indah.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dikurniakan dengan cuaca dan tanah yang subur yang memudahkan usaha penanaman pelbagai tanaman serta bunga-bunga dan kelebihan itu seharusnya dimanfaatkan untuk mencantik-

kan landskap negara.

Beliau berkata, perancangan bandar juga perlu dibuat secara tersusun dengan mengambil kira susun atur bangunan yang sama jenis dan pemilihan pohon-pohon yang sesuai bagi mencantikkan landskap dan taman.

“Ada kesannya jika sesuatu kawasan tertentu dibiarkan lapang, supaya kita dapat menanam pokok dan tidak ditinggalkan begitu sahaja

“Selain itu, beri tumpuan kepada

kecantikan pohon ditanam di sepanjang jalan dan buat tempat untuk penduduk berehat pada hujung minggu, berkelah dan sebagainya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Landskap Negara 2019 di Taman Botani Putrajaya, di sini, semalam.

Usah tiru budaya Eropah

Perdana Menteri juga menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak terikut-ikut dengan budaya menconteng dan melakar pada dinding

atau grafiti seperti diamalkan di Eropah.

“Kita di Malaysia ini suka ikut orang Eropah. Kalau orang Eropah conteng dinding, kita conteng dinding, kalau mereka cukur kepala, kita cukur kepala.

“Kenapa kita nak (hendak) tiru orang sedangkan negara kita lebih cantik dan indah daripada mereka,” katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan anugerah bagi Inisiatif Negara Taman Terindah, Ini-

siatif Negara Taman, Landskap Komuniti Negara Taman dan Inisiatif Sukarelawan Negara Taman.

Inisiatif Negara Taman Terindah dimenangi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang meraih geran RM1 juta.

Tempat kedua dimenangi Perbadanan Putrajaya (PPj) yang meraih geran RM500,000 manakala tempat ketiga dimenangi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang meraih geran RM300,000.